

# **Nilai dan Pencapaian Sijil Peperiksaan Bersama (UEC)**

---

## **Soal-Jawab**

---



# 1. Pengenalan tentang Sijil Peperiksaan Bersama (UEC)

## 1.1 Apa itu Sijil Peperiksaan Bersama (UEC)?

Peperiksaan Bersama merupakan suatu peperiksaan yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia. Sijil yang diberikan bagi peperiksaan tersebut ialah Sijil Peperiksaan Bersama. Nama singkatkan bagi sijil tersebut ialah “UEC” (Unified Examination Certificate). Penggal pertama UEC diadakan adalah pada tahun 1975, pada tahun 2018 UEC telah menjangkaui penggal yang ke-44. Jumlah kumulatif pelajar UEC adalah seramai 645, 699 orang, antaranya meliputi 252, 705 orang dari menengah tinggi, 384, 356 orang dari menengah rendah dan 8, 638 orang dari teknik dan vokasional.

## 1.2 Apakah Objektif UEC diadakan?

Objektif-objektif UEC diadakan adalah:-

1. untuk menyeragamkan pentaksiran pencapaian akademik bagi setiap sekolah menengah persendirian Cina;
2. untuk mewujudkan keadaan yang baik bagi pelajar lepasan sekolah menengah persendirian Cina melanjutkan pelajaran dan mendapatkan peluang pekerjaan yang baik;
3. untuk bukti pencapaian akademik bagi memohon kemasukan universiti tempatan dan institusi pengajian tinggi luar negara;
4. untuk bukti pencapaian akademik bagi memohon kerja di pasaran.

### 1.3 Siapakah penganjur UEC?

Sejak “Akta Pendidikan 1961” dilaksanakan, kerajaan telah berhenti untuk mengadakan peperiksaan menengah tinggi dan peperiksaan menengah rendah untuk sekolah-sekolah menengah Cina. Oleh itu, dari tahun 1962-1974, tidak ada pertubuhan yang mengadakan peperiksaan bersepada bagi sekolah-sekolah Cina atau sekolah-sekolah menengah persendirian Cina.

Pada akhir tahun 1973, “Buku Cadangan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina” telah mengumumkan garis panduan dan dasar-dasar penubuhan sekolah Cina yang wajar dan jelas untuk ke hala tuju pembangunan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina. Dalam hal itu, Dong Jiao Zong telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina, di bawah Jawatankuasa tersebut membentukkan satu Jawatankuasa Peperiksaan Bersama.

Semenjak itu, Dong Zong bertanggungjawab untuk menganjurkan Peperiksaan Bersama Menengah Tinggi dan Peperiksaan Bersama Menengah Rendah untuk sekolah-sekolah persendirian Cina di seluruh negara.

## 2. Sejarah UEC

### 2.1 Mengapakah “Sekolah Menengah Persendirian Cina” boleh wujud?

Pelaksanaan Akta Pendidikan 1961 di bawah “Laporan Rahman Talib” telah menyebabkan banyak sekolah menengah Cina

di Semenanjung Malaysia ditukar kepada sekolah menengah Inggeris. Selain itu “Laporan Pendidikan Menengah Sarawak 1960” (Laporan Merilyn”) yang dilaksanakan di Sarawak dan “Kertas Putih Pendidikan Menengah di Malaysia 1961” juga menyebabkan beberapa sekolah menengah Cina tempatan ditukar kepada sekolah menengah Inggeris. Sesetengah sekolah menengah Cina di Sabah juga ditukar kepada sekolah menengah Inggeris pada tahun 1971. Selepas itu, kerajaan pula menukarkan sekolah-sekolah menengah Inggeris kepada sekolah menengah Melayu (Sekolah Menengah Kebangsaan atau SMK).

Menurut Laporan Rahman Talib 1960, hanya ada 2 jenis sekolah menengah, iaitu sekolah menengah bantuan penuh kerajaan (“SMK” dan “SMJK”) dan “Sekolah Menengah Persendirian”, dimana pelajar-pelajarnya diwajibkan menduduki peperiksaan awam menengah, manakala sekolah menengah bantuan separuh kerajaan dimansuhkan. Sekiranya sekolah Cina ingin mendapatkan bantuan penuh, sekolah tersebut hendaklah menukar kepada sekolah menengah Inggeris (“SMJK”). Mulai 1 Januari 1962, kerajaan tidak lagi memberikan sebarang peruntukan kepada sekolah bantuan separuh yang enggan menukar kepada sekolah menengah Inggeris. Sekolah-sekolah tersebut dan sekolah-sekolah persendirian lain yang sedia ada dan tidak menerima bantuan kerajaan akan diklasifikasikan sebagai “Sekolah-sekolah Menengah Persendirian” (Independent Secondary Schools). Sungguhpun demikian, Laporan Rahman Talib masih mengiktiraf sekolah menengah persendirian sebagai sebahagian dalam sistem pendidikan negara dengan syarat mereka perlu mematuhi undang-undang, jika tidak pendaftaran sekolah akan dibatalkan.

Bagi mereka yang enggan menerima penyusunan semula untuk menjadi sekolah-sekolah Inggeris dan sekolah-sekolah Cina yang ditubuhkan lanjutan daripada penerimaan penyusunan semula sekolah serta sekolah-sekolah Cina yang ditubuhkan di Sarawak pada tahun 1962-1968, mereka tidak akan mendapat sebarang bantuan kerajaan dan terpaksa berdikari. Dengan ini wujudlah “Sekolah Menengah Persendirian Cina”.

## **2.2 Apakah peperiksaan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum penyusunan semula Sekolah Menengah Cina berlaku?**

Sebelum penyusunan semula sekolah-sekolah menengah Cina berlaku, Kementerian Pendidikan telah mengadakan 3 peperiksaan yang berasaskan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar untuk sekolah-sekolah menengah Cina, iaitu Peperiksaan Menengah Rendah, Peperiksaan Kemasukan Pelajaran Lanjutan dan Peperiksaan Pengajian Diploma bagi lepasan sekolah Cina.

Selepas penyusunan semula sekolah-sekolah menengah Cina pada tahun 1961, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak lagi mengadakan Peperiksaan Menengah Rendah dan Peperiksaan Kemasukan Pelajaran Lanjutan, kemudian juga berhenti menganjurkan Peperiksaan Pengajian Diploma bagi lepasan sekolah Cina pada tahun 1963. Pada ketika itu, Kementerian Pendidikan telah menjalankan peperiksaan awam yang bahasa pengantarnya ialah Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

## **2.3 Apakah sebab dan latar belakang Dong Jiao Zong menganjurkan UEC pada asasnya?**

Akta Pendidikan 1961 telah menetapkan bahawa sekolah-sekolah menengah Cina mesti menukarkan bahasa pengantar mereka kepada bahasa Inggeris untuk menerima bantuan kerajaan. Bagi sekolah yang tidak menerima penyusunan semula, mereka terus membuka sekolah dengan tanpa sebarang bantuan kerajaan. Oleh kerana tidak ada satu sistem peperiksaan yang bersepadu untuk menilai tahap pencapaian akademik bagi pelajar lepasan sekolah persendirian Cina pada masa itu, jadi pada tahun 1973, suatu Jawatankuasa Pembangunan Sekolah Menengah Persendirian Cina telah ditubuhkan untuk mengerjakan satu sistem peperiksaan yang bersepadu. Pada tahun berikutnya, “Laporan Kumpulan Kerja Kurikulum Bersama & Peperiksaan Bersama” telah diterbitkan untuk merancang sistem peperiksaan yang bersepadu untuk sekolah menengah rendah dan menengah tinggi dan melaksanakannya secara rasmi. Selepas persiapan yang selama setahun, akhirnya UEC yang pertama bagi menengah rendah dan menengah tinggi telah diadakan pada 11, 12, 15, 16 dan 17 Disember 1975 seperti mana yang dijadualkan.

## **2.4 Bagaimanakah keadaan sebenar bagi UEC penggal pertama dijalankan pada tahun 1975?**

Pada asalnya, tarikh tutup bagi pendaftaran peperiksaan UEC yang pertama adalah pada 31 Mei 1975. Namun, ia ditangguhkan hingga 30 Jun atas permintaan ramai. Akhirnya, ia diadakan pada 11-17 Disember 1975 selama 5 hari (iaitu pada 11hb, 12hb, 15hb, 16hb dan 17hb Disember).

Buat terulung kali, UEC menerima sokongan yang menggalakkan daripada masyarakat Cina dan sekolah-sekolah persendirian Cina di seluruh negara. Seramai 6141 pelajar yang berdaftar untuk menduduki peperiksaan tersebut (4146 pelajar bagi menengah rendah dan 1995 pelajar bagi menengah tinggi). Terdapat 42 sekolah menengah persendirian Cina yang memberi sokongan positif terhadapnya (33 dari Semenanjung Malaysia dan 9 dari Sabah dan Sarawak). Kadar purata kehadirannya juga telah mencapai 65.3% bagi pelajar menengah tinggi dan 70.9% bagi pelajar menengah rendah. Seramai 1577 atau 79% pelajar yang memperolehi sijil kelulusannya. Selain itu, keputusan peperiksaan bagi menengah tinggi dan menengah rendah juga dibahagikan kepada 3 gred yang diwakili oleh A, B dan C dimana Gred “A” = “Cemerlang”, Gred “B” = “Kepujian” dan Gred “C” = “Lulus”. Pelajar yang gagal atau tidak hadir dalam peperiksaan pula tidak diberi sebarang sijil peperiksaan.

## **2.5 Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Dong Jiao Zong pada peringkat awal UEC diadakan dan Bagaimana mereka mengatasinya?**

Sehari sebelum UEC yang pertama hendak dijalankan pada tahun 1975, Dr. Mahathir yang selaku Menteri Pelajaran pada masa itu tiba-tiba memanggil pemimpin-pemimpin Dong Zong dan Jiao Zong dan mengarahkan mereka untuk memberhentikan peperiksaan UEC. Encik Lim Huang Sheng, Pengurus Dong Zong pada masa itu mengemukakan pendapat bahawa UEC bukanlah suatu hal peribadi beliau, sebaliknya untuk memberhentikan peperiksaan

tersebut Dong Zong perlu berunding dengan penasihat undang-undang bersama dengan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat dan wakil setiap negeri. Oleh itu, beliau meminta tempoh dua bulan untuk menyelesaikan hal tersebut. Berikutan itu, pada 30 November 1975, Dong Zong dan Jiao Zong mengadakan persidangan bersama di Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur dan Selangor dengan para wakil daripada Gabungan Persekutuan Persatuan Pengarah Negeri, Kesatuan Guru-guru, Persatuan Alumni, Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina, Lembaga Pengarah dan Pengetua Sekolah-sekolah Persendirian Cina. Dalam pertemuan itu, sekalian sebulat suara memutuskan bahawa UEC tetap akan dijalankan seperti mana dijadualkan. Akhirnya, UEC yang pertama pun diadakan pada 11-17 Disember 1975 setelah mengharungi pelbagai dugaan dan rintangan.

Sebelum tahun 1980-an, semua kerja penyemakan bagi UEC adalah dijalankan secara manual, dari menaip soalan peperiksaan, percetakan, penghantaran dan penyimpanan kertas peperiksaan sehingga pengeluaran sijil adalah dijalankan oleh kakitangan Dong Zong. Kerja-kerja tersebut memang memakan masa dan membazirkan tenaga. Selain itu, pemeriksaan dan pemarkahan setiap subjek pelajaran juga memerlukan bantuan ratusan guru yang terpaksa mengorbankan cuti tahunan mereka untuk menghabiskan kerja penyemakan kertas peperiksaan tersebut.

Pada tahun 1982, Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia mula merancang dan menjalankan

sistem pengkomputeran dan penggunaan mesin untuk kerja penyemakan peperiksaan demi meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos dan meningkatkan kualiti kerja, termasuklah pembelian komputer dan peralatan yang canggih untuk memudahkan operasi yang rumit dan membaiki sistem pengurusan peperiksaan dengan lebih sempurna.

Dalam usaha untuk meningkatkan nilai sijil UEC dan menggalakkan pembangunan sekolah-sekolah persendirian Cina di Malaysia, Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia telah menubuhkan 5 Jawatankuasa Kerja dan 4 Kumpulan Kerja pada tahun 1976-1986. Akhirnya, selepas bertahun-tahun berusaha, kerja-kerja peperiksaan UEC telah dapat beroperasi dengan lancar dan mendapat pengiktirafan daripada universiti-universiti di semua negara.

### 3. Prospek UEC

#### 3.1 Mengapakah memerlukan pengiktirafan kerajaan terhadap UEC?

Dong Zong beranggapan bahawa peruntukan peluang pendidikan yang saksama bukanlah semata-mata kata-kata ucapan sewaktu pilihan raya, tetapi sebaliknya hendaklah lebih menitikberatkan kesungguhan dan keikhlasan kerajaan untuk merealisasikan cadangan dasar mereka. Atas tujuan ini, kami berpendapat bahawa kerajaan perlu mengkaji semula dasar pendidikan semasa

yang beraliran satu bahasa supaya dapat mewujudkan suatu persekitaran pendidikan yang pelbagai aliran yang benar-benar bersifat demokratik, terbuka, dan saksama.

Pengiktirafan UEC bukan saja membolehkan pelajar UEC memasuki universiti tempatan atau memohon sebagai penjawat awam, malah sebagai suatu perakuan dan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan UEC ke arah pembangunan negara. Buat masa kini, kerajaan telah menerima lepasan sekolah menengah persendirian Cina ke maktab perguruan. Hal ini jelas membuktikan bahawa UEC memang selaras dengan tahap akademik dan sistem pendidikan negara. Seterusnya, kami akan berusaha lagi untuk memperjuangkan pengiktirafan yang sepenuhnya daripada kerajaan ke atas UEC.

### **3.2 Apakah Idea-idea Pembaharuan UEC demi selaras dengan “Pelan Pembangunan Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina”?**

Demi selaras dengan “Pelan Pembangunan Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina”, suatu rombakan semula ke atas UEC akan dilakukan pada masa yang akan datang. Antaranya adalah untuk melancarkan ujian lisan 3 bahasa, peperiksaan praktikal bagi aliran sains dan pelaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah.

## 4. Syarat-syarat Pendaftaran Peperiksaan

### 4.1 Siapakah yang layak mendaftar Peperiksaan UEC?

UEC terbuka kepada pelajar yang tengah menuntut di sekolah menengah persendirian Cina bagi menengah tinggi dan menengah rendah atau mereka yang habis pengajian peringkat menengah tinggi atau peringkat menengah rendah di sekolah menengah persendirian Cina.

### 4.2 Mengapa UEC bukan suatu Peperiksaan Awam?

Pelaksanaan Peperiksaan UEC adalah atas cadangan penting yang termaktub di dalam “Buku Cadangan Sekolah Menengah Persendirian Cina 1973”. Sejak tahun 1975, Peperiksaan UEC telah dijalankan di semua sekolah menengah persendirian Cina pada setiap tahun, terutamanya bagi para pelajar yang menuntut di menengah tinggi dan menengah rendah.

Dalam mesyuarat bersama yang dijalankan pada 4 Oktober 2015, Dong Zong dan Jiao Zong memutuskan bahawa, sebagai kes khas, Sekolah Menengah Chong Hwa Kuantan dibenarkan menduduki peperiksaan UEC.

### 4.3 Apakah penetapan bagi bahasa pengantar dalam Peperiksaan UEC?

Terdapat 8 kertas peperiksaan bagi Peperiksaan UEC menengah rendah. Selain 3 kertas bahasa, semua mata pelajaran yang lain

dikaji dalam Bahasa Cina. Hanya sekolah persendirian Cina di Sabah yang masih menggunakan dwibahasa (Bahasa Cina dan Inggeris) bagi kertas peperiksaan Sains dan Matematik.

Peperiksaan UEC menengah tinggi pula mempunyai 22 kertas peperiksaan. Selain 3 kertas bahasa, terdapat 10 mata pelajaran yang dikaji dalam bahasa Cina dan Inggeris, iaitu 7 kertas untuk subjek sains dan matematik dan 3 kertas untuk aliran perdagangan (kecuali ekonomi) yang selebihnya iaitu 9 mata pelajaran hanya dikaji dalam bahasa Cina.

Terdapat 5 kertas peperiksaan untuk Aliran Teknik dan Vokasional. Selain kertas bahasa, semua 4 mata pelajaran lain dikaji dalam bahasa Cina.

#### **4.4 Berapakah kategori Peperiksaan UEC dibahagikan? Apakah mata pelajaran bagi setiap kategori?**

Peperiksaan UEC terbahagi kepada peringkat menengah rendah, menengah tinggi dan teknik dan vokasional.

Sebanyak 8 kertas peperiksaan bagi UEC menengah rendah, iaitu Bahasa Cina, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Geografi dan Seni Lukis.

Sejumlah 22 mata pelajaran peperiksaan bagi UEC menengah tinggi, iaitu Bahasa Cina, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris,

Matematik, Matematik Lanjutan, Matematik Lanjutan (I), Matematik Lanjutan (II), Sejarah, Geografi, Biologi, Kimia, Fizik, Perdagangan, Kira-kira dan Perakaunan, Perakaunan, Ekonomi, Komputer dan Teknologi Maklumat, Seni Lukis, Teori Elektrikal, Elektronik, Logikal Digital dan Kejuruteraan Elektrik.

Terdapat 5 mata pelajaran bagi teknik dan vokasional iaitu industri Inggeris, membaiki kereta, membaiki kereta (praktikal), seni dan seni (praktikal).

## 5. Tahap Akademik UEC

### 5.1 Adakah Penggubalan UEC berprofesional ?

Sejak penubuhannya pada tahun 1975, segala proses peperiksaan terpaksa bermula dari titik permulaan, sama ada dalam aspek pendaftaran, penggubalan soalan peperiksaan, perancangan jadual peperiksaan hingga urusan penilaian kertas ujian perlu dititikberatkan. Dengan menerusi pengalaman praktikal tersebut, mereka baru berjaya menemui satu sistem pengurusan yang baik sehingga peperiksaan UEC tahunan dapat berjalan dengan lancar. Hal ini jelas menyatakan bahawa sistem pengurusan UEC mereka amatlah berkesan.

Sejak tahun 2010, kakitangan Jabatan Peperiksaan Dong Zong giat menyertai kursus dan latihan, atas pengalaman praktikal mereka yang selama 40 tahun, akhirnya mereka berjaya menerbitkan 24

prosedur kerja dengan mengikut piawai ISO. Selepas bekerja keras selama 2 tahun, pelaksanaan dan pengurusan UEC akhirnya berjaya menerima pensijilan ISO pada 12 Mac 2011, malah memperolehi ISO 9001:2008 yang diiktirafkan oleh badan-badan pensijilan di Malaysia, China, England dan Jepun untuk pelaksanaan dan pengurusan Peperiksaan Bersama bagi sekolah-sekolah menengah persendirian Cina.

## **5.2 Bagaimakah Tahap Akademik UEC?**

Sejak belakangan ini, lebih daripada 300 institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia yang mengiktiraf tahap akademik UEC, mereka menerima pelajar-pelajar UEC untuk mengikuti kursus-kursus profesional, program berkembar dan kursus-kursus di universiti mereka. Selain itu, lebih daripada 1000 institusi pengajian tinggi awam dan swasta di luar negara yang mengiktiraf tahap akademik UEC dan terus menerima kemasukan pelajar UEC.

Sila rujuk: Lampiran (1) Senarai Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang menerima pelajar-pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina di dalam dan luar negara.

## **5.3 Adakah tahap kelayakan akademik UEC setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan A-Level ?**

Oleh kerana lebih daripada 1,000 institusi pengajian tinggi awam dan swasta di luar negara yang menerima kemasukan

langsung untuk pelajar UEC, ini bermakna UEC adalah setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan A-level. Memandangkan ketiga-tiga kelayakan akademik adalah setaraf, jadi, formula penukarannya boleh diperoleh dengan menggunakan kaedah perkadaran. Berkenaan dengan formula ini, sila rujuk kepada Lampiran (II) .

#### **5.4 Mengapa pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina perlu habiskan pengajian menengah tinggi tiga dan menduduki Peperiksaan Bersama Menengah Tinggi (UEC)?**

Rekaan dan kerangka sukatan pelajaran untuk menengah tinggi satu hingga menengah tinggi tiga ialah sistem pendidikan menengah tinggi yang lengkap dan sempurna bagi pelajar menengah tinggi. Pelajar akan dianggap tidak menyempurnakan pelajaran sekiranya mereka tidak menghabiskan pembelajaran mereka hingga ke peringkat menengah tinggi tiga. Walaupun pelajar dapat meneruskan pelajaran di Matrikulasi melalui SPM, namun pendidikan sekolah menengah bukan sahaja penting sebagai platform untuk menyalurkan pengetahuan tetapi juga memainkan peranan untuk membina akhlak mulia pelajar-pelajar secara menyeluruh.

Persekuturan pembelajaran, budaya, dan aktiviti kokurikulum Sekolah Menengah Persendirian Cina sangat sesuai untuk para pelajar belajar terutamanya dapat memberikan peluang kepada

mereka memperoleh pengalaman dan membuat persediaan awal sebelum mereka melangkah ke peringkat universiti. Pengalaman dan pembelajaran di menengah tinggi tiga ini juga tidak dapat diperoleh semasa di universiti. Pembelajaran sehingga ke menengah tinggi tiga dan menduduki Peperiksaan Bersama (UEC) merupakan satu kelebihan kepada para pelajar kerana mereka boleh menggunakan bahasa yang paling dikuasai oleh mereka, iaitu bahasa pertama mereka untuk menduduki peperiksaan. Keadaan ini juga merupakan satu peluang kepada mereka untuk mendapatkan keputusan yang baik dan memohon untuk memasuki universiti yang terkenal. Selain itu, antara kebaikan untuk menduduki Peperiksaan Bersama Menengah Tinggi (UEC) adalah seperti berikut:

#### **5.4.1 Terus Mengambil kursus Sarjana Muda**

Mengikut syarat dari Kementerian Pendidikan Malaysia, pemegang SPM tidak boleh terus memasuki universiti untuk mengikuti kursus ijazah. Sebaliknya, mereka dikehendaki untuk mengikuti kursus pra-universiti, seperti STPM / Matrikulasi / Asasi bagi tempoh setahun hingga dua tahun, atau kursus asas / A-level yang disediakan oleh universiti swasta. Akan tetapi, bagi pemegang UEC yang memenuhi syarat, iaitu sekurang-kurangnya lima mata pelajaran mendapat gred B mereka boleh terus mengikuti program ijazah.

### **5.4.2 Banyak saluran untuk melanjutkan pelajaran**

Selain universiti-universiti awam di Malaysia dikecualikan, pemegang UEC layak untuk memohon mana-mana satu universiti, ini termasuk kolej swasta dan universiti swasta di Malaysia seperti Taylors, HELP, Sunway, UTAR dan lain-lain serta kampus universiti luar negara seperti Nottingham, Monash, Universiti Xiamen dan lain-lain. Kebanyakan institut pengajian tinggi di negara-negara lain juga menerima permohonan pemegang UEC, antaranya Singapura, Hong Kong, Taiwan, China, Jepun, India, Australia, New Zealand, England, Amerika Syarikat dan lain-lain. Walau bagaimanapun, sesetengah universiti luar negara juga boleh mengenakan syarat tambahan seperti mewajibkan pelaksanaan dasar bahasa, misalnya IELTS, TOEFL dan lain-lain.

UEC adalah saluran yang membantu pelajar sekolah menengah persendirian Cina untuk memasuki universiti-universiti di seluruh dunia. Apakah terdapat universiti-universiti yang terkenal di dunia memperuntukkan biasiswa khas untuk para pelajar lepasan sekolah menengah persendirian Cina dengan objektif untuk menarik lebih ramai pelajar yang cemerlang. Antara universiti-universiti tersebut adalah Universiti Qinghua (China), Universiti Beijing (China), Hong Kong Polytechnic ,National University of Singapore, Kyoto University, Sungkyunkwan University (Korea), University of Toronto dan lain-lain. Sila rujuk: Lampiran (III) - Peringkat Laluan Pelajar Sekolah Persendirian Menengah Cina

### 5.4.3 Pengajian Menengah Tinggi Tiga paling ekonomi

Yuran pengajian menengah tinggi tiga di sekolah menengah persendirian Cina adalah lebih jimat daripada yuran mengikuti kursus pra-universiti di mana-mana universiti. Menurut jangkaan statistik (tahun 2018), yuran pengajian bagi menengah tinggi tiga adalah sebanyak RM400-RM5,500 setahun, manakala bagi kursus pra-universiti di universiti swasta pula di antara RM14,900 dan RM65,300. Bagi yuran pengajian Asasi pula adalah di antara RM9,400 hingga RM28,300. Buat masa kini, yuran pengajian untuk universiti tempatan dan luar negara adalah agak tinggi, jadi adalah lebih baik untuk menjimatkan kos kursus pra-universiti untuk membiayai yuran pengajian universiti. (Maklumat dipetik dari laman web: further study interactive dan laman web: EduAdvisor)

Walaupun pemegang UEC tidak layak untuk mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda di universiti-universiti tempatan, namun mereka tetap boleh memperoleh Ijazah Sarjana Muda di tempat lain (universiti swasta di Malaysia atau universiti di luar negara) dan melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana atau Kedoktoran di universiti tempatan.

## Lampiran (I): Senarai Institusi-Institusi Pengajian Tinggi yang menerima pelajar-pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina di dalam dan di luar negara



### Malaysia

Pada setiap tahun, lebih daripada separuh jumlah pelajar lepasan UEC memilih untuk melanjutkan pelajaran ke IPTS, termasuk program Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Asas, diploma profesional dan sijil profesional\*. Selain itu, pelajar lepasan UEC juga memperolehi Ijazah Sarjana Muda di universiti luar negara memalui pemindahan kredit 3 + 0 atau program berkembar.

Berikut adalah senarai Institusi-institusi Pengajian Tinggi Swasta yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di mana mereka menerima UEC sebagai syarat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat diploma professional dan Ijazah Sarjana Muda.

### IPTS

- |    |   |
|----|---|
| 1. | AIMST University                          |
| 2. | Akademi Pertama Rekabentuk dan Komunikasi |
| 3. | Akademi Seni Lukis Dasein                 |

4.	Asia Pacific University of Technology & Innovation (Asia Pasific UTI)
5.	Binary University of Management & Entrepreneurship (BUME)
6.	City University Malaysia
7.	DRB-HICOM University Of Automotive Malaysia
8.	Fairview University College
9.	First City University College
10.	Geomatika University College
11.	GlobalNxt University
12.	Han Chiang University College of Communication **
13.	HELP Academy
14.	HELP University
15.	Infrastructure University Kuala Lumpur
16.	Institut Antarabangsa Sains Mantin
17.	Institut Bahasa Teikyo
18.	Institut Jati
19.	Institut Methodist Pilley
20.	Institut Pengajian Global
21.	Institut Profesional Axismatics
22.	Institut Seni Lukis Malaysia
23.	Institut Sinaran
24.	Institut Teknologi ANS
25.	Institut Teknologi Maklumat Asia Pasifik (APIIT)
26.	Institut Teknologi Maklumat Nusantara
27.	Institut Teknologi Pertama
28.	Institut Teknologi Riam

29.	International Medical University (IMU)
30.	International University of Malaya-Wales
31.	INTI International University
32.	KDU University College
33.	Kolej Adroit
34.	Kolej Alfa
35.	Kolej Aman Batu Pahat
36.	Kolej Antarabangsa Almacrest
37.	Kolej Antarabangsa Cyberlynx
38.	Kolej Antarabangsa Goon
39.	Kolej Antarabangsa Greencyty
40.	Kolej Antarabangsa INTI Kuala Lumpur
41.	Kolej Antarabangsa Mahsa Prima
42.	Kolej Antarabangsa Putra
43.	Kolej Antarabangsa Stradford
44.	Kolej Antarabangsa Travex
45.	Kolej Antarabangsa Yes
46.	Kolej Antarabangsa YPC
47.	Kolej Asia Metropolitan College Kota Kinabalu
48.	Kolej ATI
49.	Kolej Ausffield
50.	Kolej Bersepadu Nasional
51.	Kolej Binary
52.	Kolej Brickfields Asia
53.	Kolej Cosmopoint
54.	Kolej Disted
55.	Kolej Edu Oasis

56.	Kolej Eksekutif
57.	Kolej Equator
58.	Kolej Erican
59.	Kolej IACT (Pengiklanan, Komunikasi & Teknologi Antarabangsa)
60.	Kolej IBS
61.	Kolej IHM
62.	Kolej International Crescendo
63.	Kolej INTI Antarabangsa Pulau Pinang
64.	Kolej INTI Nilai
65.	Kolej INTI Sabah
66.	Kolej Kewartawanan dan Komunikasi Hanxing Sedunia
67.	Kolej Laila Taib
68.	Kolej Mantissa
69.	Kolej Mont Royale
70.	Kolej Newbridge
71.	Kolej Olympia
72.	Kolej Otomotif TOC
73.	Kolej Pengajian Siswazah Segi
74.	Kolej Pengajian Tinggi ATC
75.	Kolej Pengajian Tinggi Raffles
76.	Kolej Peninsula Georgetown
77.	Kolej Peninsula Shah Alam
78.	Kolej Perniagaan KYS
79.	Kolej Perubatan Melaka-Manipal
80.	Kolej PIA

81.	Kolej Point
82.	Kolej Poly-Tech Mara
83.	Kolej Premier
84.	Kolej Presiden
85.	Kolej Profesional dan Pengurusan KLIA
86.	Kolej SC
87.	Kolej SEGI
88.	Kolej Seni dan Teknologi HELP
89.	Kolej Sentral
90.	Kolej Stamford Melaka
91.	Kolej Sunway
92.	Kolej Taylor
93.	Kolej Teknologi Sarawak
94.	Kolej Terra
95.	Kolej UCSI
96.	Kolej Universiti Agrosains Malaysia
97.	Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya (CUCMS)
98.	Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech (TWINTECH)
99.	Kolej Universiti Teknologi Sarawak
100.	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TARC)
101.	Kolej Universiti Veritas
102.	Kolej Universiti Widad
103.	Kolej Universiti Yayasan Sabah
104.	Kolej University Saito
105.	Kolej Vision
106.	Kolej Widad

107.	Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC)
108.	Limkokwing University of Creative Technology
109.	Lincoln University College
110.	Linton University College
111.	Mahsa University
112.	Management and Science University (MSU)
113.	Manipal International University (MIU), Malaysia
114.	Multimedia University (MMU), Cyberjaya Campus
115.	New Era University College**
116.	Nilai University
117.	Open University Malaysia
118.	Perdana University
119.	Quest International University Perak
120.	RANACO Education and Training Institute (RETI)
121.	Segi University
122.	Southern University College**
123.	Sunway University
124.	Taylor's University
125.	UCSI University
126.	UNITAR International University
127.	Universiti Malaysia Sains Komputer dan Kejuruteraan
128.	Universiti Selangor (UNISEL)
129.	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
130.	Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
131.	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
132.	Wawasan Open University (WOU)

\* Antara Kelayakan Profesional termasuk:

1. Chartered Association of Certified Accountants, U.K. (ACCA )
2. The Chartered Institute of Management Accountants, U.K. (CIMA)
3. Malaysia Association of Company Secretaries (MACS)

(Syarat kelayakan: SPM, STPM atau sijil pengajian yang sama taraf)

Pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan berkelayakan mengambil krusus ACCA atau CIMA. Antara IPTS yang menawarkan krusus ACCA adalah seperti berikut:

Methodist College Kuala Lumpur (MCKL), INTEC Education College, HELP College of Arts and Technology dan lain-lain. IPTS yang menawarkan kursus CIMA adalah seperti: Tunku Abdul Rahman University College, Asia Metropolitan University, FTMS College. (dipetik dari laman web EduAdvisor)

\*\*IPTS yang ditubuhkan oleh masyarakat Cina.

## IPTS Luar Negara (Cawangan Malaysia)

1.	Curtin University, Malaysia
2.	Heriot-Watt University Malaysia (HWUM)
3.	Kolej MDIS Malaysia
4.	Monash University Malaysia
5.	Newcastle University Medicine Malaysia
6.	Swinburne University of Technology Sarawak Campus
7.	The University of Nottingham Malaysia Campus (UNIM)
8.	University of Reading Malaysia
9.	University Of Southampton Malaysia Campus (USMC)
10.	Xiamen University Malaysia



## Singapura

Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang telah mengecualikan peperiksaan kemasukan universiti untuk pelajar lepasan UEC sejak tahun 1997. Tambahan, Institut Pengajian Tinggi Singapura yang lain juga mengikuti jejak tersebut. Dari tahun 2011 hingga 2015, sebanyak 2065 orang pelajar lepasan UEC yang menuntut pengajian tinggi di Singapura.

1. National University of Singapore
2. Nanyang Technological University
3. Singapore Management University
4. Republic Polytechnic
5. Singapore Institute of Technology (SIT)
6. Nanyang Academy of Fine Arts (NAFA)
7. Singapore University of Technology and Design
8. Nanyang Academy of Fine Arts (NAFA)
9. Ngee Ann Polytechnic
10. Singapore Polytechnic
11. Nanyang Polytechnic
12. Temasek Polytechnic
13. LASALLE College of the Arts
14. SHRM College
15. Curtin Singapore



## Taiwan (R.O.C)

Pelanjutan pelajaran tinggi di Taiwan adalah pilihan paling banyak di kalangan pelajar lepasan UEC. Dari segi kelayakannya, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah saling mengiktirafkan kedudukan ijazah dengan Higher Education Evaluation & Accreditation Council of Taiwan (HEEACT) pada 20 hari bulan Jun 2011. Antara 157 buah IPT Taiwan yang diiktirafkan oleh kerajaan Malaysia, sebanyak 58 buah adalah IPTA Taiwan dan 99 buah adalah IPTS Taiwan.

Senarai berikut merupakan pengajian perubatan Universiti yang diiktifarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (antaranya 8 jurusan perubatan, 7 jurusan pergigian, 1 jurusan veterinar dan 3 jurusan farmasi)

1. China Medical University
2. Chung ShanMedical University
3. Kaohsiung Medical University
4. National Taiwan University
5. National Yang-Ming University
6. National Cheng Kung University
7. National Defense Medical Center
8. National Chung Hsing University
9. Taipei Medical University

Selain itu, IPT lain yang menerima sijil UEC adalah seperti berikut:

- Preparatory Programs for Overseas Chinese Students, National Normal Taiwan University (NTNU)
- Latihan Teknikal Untuk Pemuda Luar Negara dari IPT yang terpilih dan lain-lain



## China

Pada 28 April 2011, Malaysia dan China telah menandatangani ‘Perjanjian Pengiktirafan Bersama Pengajian Ijazah Tinggi’, di mana MQA akan mengiktiraf 1,243 buah universiti yang disyorkan oleh Kementerian Pendidikan China. (4 Julai 2017)

Layari <http://www.mqa.gov.my> untuk maklumat terperinci. Selain itu, kebanyakan IPT yang tersenarai menerima UEC dan membenarkan pelajar lepasan UEC tanpa menduduki peperiksaan Ujian Kemahiran Bahasa Mandarin (HSK).

Selain itu, IPT yang berkedudukan depan dalam Times Higher Education World University Rankings seperti Peking University, Tsinghua University, Fudan University, Shanghai Jiao Tong University, University of Science and Technology of China, Zhejiang University, Nanjing University telah membenarkan pelajar lepasan UEC untuk mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda dengan pemberian biasiswa tanpa menduduki peperiksaan kemasukan universiti.

Pada masa kini, Majlis Perubatan Malaysia (MMC) telah mengiktiraf pengurusan perubatan 2 buah Universiti negara China iaitu, Fudan University dan Shanghai Jiao Tong University.

Selain itu, JPA juga mengiktiraf 4 buah Universiti dari segi pengurusan kajian bahasa Cina dan 5 buah Universiti untuk pengurusan perubatan tradisional Cina, antara senarainya seperti berikut:

1. Beijing Foreign Studies University
2. Beijing Language and Culture University
3. Beijing University of Chinese Medicine
4. Guangzhou University of Chinese Medicine
5. Nanjing University of Chinese Medicine
6. Peking University
7. Shanghai University of Traditional Chinese Medicine
8. Tianjin University of Traditional Chinese Medicine
9. Tsinghua University



## Hong Kong

Kebanyakan IPTA dan IPTS Hong Kong mengiktiraf pelajar lepasan UEC.  
[www.studyinhongkong.edu.hk](http://www.studyinhongkong.edu.hk).

1. The University of Hong Kong
2. City University of Hong Kong
3. The Hong Kong Polytechnic University
4. Hong Kong Baptist University
5. The Hong Kong University of Science and Technology
6. The Education University of Hong Kong
7. The Chinese University of Hong Kong
8. Lingnan University
9. Hang Seng Management College, Hong Kong
10. Centennial College
11. Chu Hai College of Higher Education
12. The Hong Kong Academy for Performing Arts



## Macau

Semua IPTA and IPTS di Macau menerima sijil UEC (kecuali sekolah tinggi Jentera Ketenteraman Masyarakat Macau yang hanya menerima rakyat Macau) (dari laman web Tertiary Education Service Office: [www.gaes.gov.mo](http://www.gaes.gov.mo))

1. University of Macau
2. Macao Polytechnic Institute
3. Institute for Tourism Studies
4. City University of Macau
5. University of Saint Joseph
6. Kiang Wu Nursing College of Macau
7. Macau University of Science and Technology
8. Macau Institute of Management
9. Macau Millennium College



## Jepun

Walaupun universiti di Jepun meluluskan pendidikan formal luar negara selama 12 tahun (6 tahun sekolah rendah dan 6 tahun bagi sekolah menengah), namun pelajar luar negara perlu lulus dalam peperiksaan bahasa Jepun atau bahasa Inggeris (jika mereka mengikuti kursus yang diajar dalam bahasa Inggeris)

(Maklumat dari: [www.studyinjapan.org.my](http://www.studyinjapan.org.my))

1. University of Tokyo
2. Kyoto University
3. Tokyo Institute of Technology
4. Tohoku University
5. Osaka University
6. Meiji University
7. Ritsumeikan Asia Pacific University
8. Nanzan University
9. Nagoya University



## Korea

Negara Korea meluluskan pendidikan formal luar negara selama 12 tahun (6 tahun sekolah rendah dan 6 tahun bagi sekolah menengah), maka pelajar lepasan UEC boleh melanjutkan pelajaran di Korea.

(Maklumat dari: [www.studyinkorea.go.kr](http://www.studyinkorea.go.kr))

1. Seoul National University
2. Korea Advanced Institute of Science & Technology
3. Pohang University of Science and Technology
4. Yonsei University
5. Korea University
6. Sungkyunkwan University
7. Kyung Hee University
8. Hanyang University
9. Ewha Womans University

10. Sogang University
11. Kyungpook National University
12. Pusan National University
13. Inha University
14. Chungnam National University
15. Chonnan National University
16. Chung-Ang University
17. University of Seoul
18. Chonbuk National University
19. Chungbuk National University
20. Dankook University




### **United Kingdom**

Pada umumnya, Universiti-universiti di UK mengiktiraf UEC. Namun, oleh sebab yuran pengajian dan kos perbelanjaan sara hidup yang tinggi menyebabkan kebanyakan pelajar lepasan UEC lebih cenderung untuk menamatkan program berkembar atau kursus pemindahan kredit 3 + 0 di Malaysia sebelum ke UK. Pemohon perlu melampirkan bukti IELTS atau TOEFL untuk melanjutkan pelajaran di UK. (Maklumat dari: British Council)

1. Anglia Ruskin University, Cambridge & Chelmsford
2. Astrum Colleges, London
3. Bangor University
4. Bath Spa University
5. Bellerbys College

6. BPP University
7. Briston UWE
8. Cardiff University
9. CATS College & CSVPA
10. Edinburgh Napier University
11. Glasgow Caledonian University (GCU)
12. Heriot-Watt University
13. Lancaster University
14. Leeds Beckett University
15. Liverpool John Moores University
16. London South Bank University
17. Manchester Metropolitan University
18. Middlesex University London
19. Newcastle University
20. Nottingham Trent University
21. Oxford Brookes University
22. Queen Margaret University, Edinburgh
23. Queen's University Belfast
24. Robert Gordon University
25. Sheffield Hallam University
26. Swansea University
27. Teesside University
28. The University of Derby
29. The University of Hull
30. The University of Nottingham
31. The University of Sheffield
32. University College Birmingham

33. University of Aberdeen
34. University of Birmingham
35. University of Brighton
36. University of Dundee
37. University of East Anglia (UEA)
38. University of East London
39. University of Essex
40. University of Glasgow
41. University of Gloucestershire
42. University of Greenwich
43. University of Hertfordshire
44. University of Kent
45. University of Leeds
46. University of Lincoln
47. University of Portsmouth
48. University of Reading
49. University of South Wales
50. University of Southampton
51. University of Strathclyde
52. University of Sunderland
53. University of Surrey
54. University of Sussex
55. York St John University



## Amerika Syarikat

Negara Amerika Syarikat meluluskan pendidikan formal luar negara selama 12 tahun. Pemohon perlu melampirkan bukti IELTS atau TOEFL untuk melanjutkan pelajaran. Sesetengah Universiti memerlukan dokumen seperti SAT, GRE, GMAT.

(Maklumat daripada: <https://www.fsi.com.my/usa/>)

Senarai universiti-universiti yang meluluskan pendidikan formal luar negara selama 12 tahun sebagai kelayakan untuk melanjutkan pelajaran:

1. California Institute of Technology
2. Carnegie Mellon University
3. Case Western Reserve University
4. Columbia University
5. Cornell University
6. Dartmouth College
7. Duke University
8. Emory University
9. Georgetown University
10. Johns Hopkins University
11. Massachusetts Institute of Technology
12. New York University
13. Purdue University
14. Tufts University
15. University of Arizona
16. University of Chicago
17. University of Colorado Boulder

18. University of Illinois at Urbana-Champaign
19. University of Minnesota
20. University of Rochester
21. University of Wisconsin-Madison
22. Washington University in St Louis
23. Yale University



### Kanada

Kebiasaannya pelajar yang mempunyai keputusan UEC yang cemerlang akan diterima oleh IPT Kanada, namun dengan syarat mempunyai sijil IELTS. (Maklumat dari <https://www.fsi.com.my/canada/>)

1. University of Winnipeg
2. University of Toronto
3. King's University College
4. Saint Mary's University
5. University of Prince Edward Island



### Australia

Kebanyakan universiti di Australia akan mengiktiraf pelajar lepasan UEC yang memiliki sijil kelayakan IELTS. (Maklumat dari [www.fsi.com.my/australia](http://www.fsi.com.my/australia))

1. Australian National University
2. Central Queensland University

3. Charles Sturt University
4. Curtin University
5. Deakin University
6. Griffith University
7. Macquarie University
8. Monash University
9. University of Adelaide
10. University of Melbourne
11. University of New South Wales
12. University of Southern Queensland
13. University of Sydney
14. University Of Tasmania
15. University of Western Australia
16. University of Western Sydney
17. Victoria University



### New Zealand

Universiti-universiti di New Zealand pada umumnya adalah mengiktiraf kelayakan UEC dan para pemegang UEC boleh terus memohon untuk kemasukan universiti dengan syarat mempunyai sijil TOEFL atau IELTS. (Maklumat dari [www.fsi.com.my/nz](http://www.fsi.com.my/nz))

1. Auckland University of Technology
2. Massey University
3. Manukau Institute of Technology
4. The University of Waikato
5. University of Auckland

6. University of Otago
7. Waikato Institute of Technology



### Ireland

Universiti-universiti di Ireland mengenakan syarat kemasukan yang berbeza-beza. Kebiasanya pemohon untuk ijazah sarjana muda bukan sahaja memerlukan keputusan yang cemerlang tapi juga perlu melampirkan sijil IELTS. (Maklumat daripada [www.fsi.com.my/ireland](http://www.fsi.com.my/ireland))

1. Trinity College Dublin
2. Dublin City University
3. University College Cork
4. University of Limerick
5. Dublin Institute of Technology



### Perancis

Sijil UEC diambil kira sama taraf dengan sijil menengah atas di Perancis. Namun, mereka diwajibkan untuk menghadiri kursus bahasa Perancis selama satu tahun. (Maklumat dari <https://www.fsi.com.my/france/>)

1. École Normale Supérieure
2. École Polytechnique
3. Université Pierre et Marie Curie



## Rusia

Semua universiti di Rusia mengiktiraf pelajar lepasan UEC. (Maklumat dari: Russian Centre of Science and Culture, resc@russia.org.my)

1. Lomonosov Moscow State University
2. Novosibirsk State University
3. Saint-Petersburg State University
4. Tomsk State University
5. Moscow Institute of Physics and Technology State University



## Indonesia

IPTA Indonesia masih tidak menerima Sijil UEC namun IPTS Indonesia menerima Sijil UEC.

(Maklumat daripada <https://www.fsi.com.my/indonesia/>)

1. Universitas Trisakti
2. Universitas Kristen Krida Wacana
3. Universitas Prof Dr. Moestopo

P/S: Pendidikan 12 tahun (6 tahun sekolah rendah dan 6 tahun bagi sekolah menengah)

Dikemaskinikan: 4hb Jun 2018

## Lampiran (II): Formula Penukaran bagi UEC, STPM dan A-Level

(1) **STPM equivalent of A level**  
$$=[(A \text{ level} - 2) / 8] \times 2 + 2$$

(2) **STPM equivalent of UEC**  
$$=[(UEC - 3) / 6] \times 2 + 2]$$

(1) Mengikut pengalaman pendaftaran kemasukan universiti bagi Kementerian Pelajaran Tinggi, pelbagai kolej swasta dan beberapa universiti luar negara, formula penukaran antara UEC dengan STPM boleh dirumuskan seperti berikut:

**STPM bersamaan dengan UEC ( CGPA )**

$$= \{[(UEC - 3) / 6] 2 + 2\}$$

(2) Menurut formula penukaran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Tinggi antara STPM dan A-Level :

**STPM bersamaan dengan A-level (CGPA)**

$$= \{[(A\text{-level} - 2) / 8] \times 2\} 2$$

Penerangan:

- Padanan Gred dengan CGPA bagi STPM adalah seperti jadual berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
CGPA	4	3.67	3.33	3	2.67	2.33	2	1.67	1.33	1	0

- Padanan Gred dengan CGPA bagi UEC adalah seperti jadual berikut:

Gred	A1	A2	B3	B4	B5	B6	C7	C8	C9
CGPA	4	3.67	3.33	3	2.67	2.33	2	1.67	1.33

- Gred dengan CGPA bagi A-Level adalah seperti jadual berikut:


Gred	A	B	C	D	E	F
CGPA	4	3.5	3	2.5	2	1.5

Berdasarkan kedua-dua formula penukaran di atas, Gred A1 bagi UEC = Gred A bagi STPM = Gred A bagi A-Level

Carta perbandingan antara 3 Sijil adalah seperti berikut:

STPM	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
UEC	A1	A2	B3	B4	B5	B6	C7	C8	F9		
A-Level	A	B	C	D		E	F				

## Lampiran (III): Peringkat Laluan Pelajar Sekolah Persendirian Menengah Cina





Diterbitkan Oleh

马来西亚华校董事联合会总会（董总）

United Chinese School Committees' Association of Malaysia (Dong Zong)

Blok A, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang,  
Selangor, Malaysia.

Tel: 603-8736 2337 | Fax: 603-8736 2779

Homepage: [www.dongzong.my](http://www.dongzong.my) | Email: [support@dongzong.my](mailto:support@dongzong.my)

Dicetak Oleh

Anekaprint & Packaging Sdn. Bhd. (528479-W)  
NO. 6 & 8, Jalan Asa 8, Kawasan Perusahaan Ringan,  
Taman Asa Jaya, 43000 Kajang, Selangor  
Tel: 03-8739 8500 Fax: 03-8736 4568

Tarikh: Jun 2018